

Gagasan Malaysia Madani: Mengekstrak Enam Nilai Teras Ketamadunan Menerusi Kisah Zulkarnain Dalam Surah Al-Kahfi

Khairulnazrin Nasir (Corresponding Author)

Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail
Petra (KIAS)

Tel: +60133242865 E-mel: khairulnazrin@kias.edu.my

Nur Azwani binti Mansor @ Nordin

Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail
Petra (KIAS)

Tel: +60 19-9383602 E-Mel: azwani79@yahoo.com

Amrina Rasyada binti Kamaruzaman

Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail
Petra (KIAS)

Tel: 014-5231698 E-Mail amrina.rasyada93@gmail.com

Nur Aina Mardhiah Che Rahim

Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail
Petra (KIAS)

Tel: +60132907191 E-mel: n.ainamardhiah11@gmail.com

Abstrak

Malaysia merupakan sebuah negara berbilang bangsa dan agama. Kepelbagaian ini berpotensi menimbulkan konflik, tetapi ia juga boleh menjadi sumber kekuatan. Untuk mencapai Malaysia yang benar-benar bertamadun, kerajaan Malaysia kini telah memperkenalkan gagasan Malaysia Madani bagi mempromosikan nilai-nilai teras yang mampu memacu negara ini ke mercu ketamadunan. Justeru, objektif artikel ini adalah untuk mengeluarkan enam nilai teras daripada kisah Zulkarnain dalam Surah al-Kahfi dan membincangkan implikasi terhadap gagasan Malaysia Madani. Metodologi kajian ini melibatkan pendekatan kualitatif. Data dikumpulkan daripada pelbagai sumber, termasuk al-Quran, hadis dan penulisan ilmiah. Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik, yang melibatkan proses mengenal pasti nilai-nilai teras yang disebut dalam kisah Zulkarnain. Dapatan kajian ini mendedahkan bahawa kisah Zulkarnain mengandungi secara eksplisit dan implisit enam nilai teras Malaysia Madani iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Nilai-nilai ini mampu memberikan refleksi dan kompas moral yang berharga serta signifikan untuk mewujudkan negara Malaysia yang benar-benar bertamadun dan seimbang.

Kata kunci: Malaysia Madani, Zulkarnain, al-Kahfi, kisah al-Quran, tamadun.

1. PENDAHULUAN

Perkataan “*civilization*” (tamadun) berkaitan dengan perkataan Latin iaitu “*civitas*” atau “*city*” (bandar) (Sandro, 2007; Yurdusev, 2003). Konsep tamadun telah diperdebatkan oleh para sarjana sejak berkurun lamanya. Walaupun tidak ada definisi tunggal yang diterima secara universal, kebanyakan takrifan tertumpu kepada suatu idea untuk membangunkan masyarakat yang kompleks dengan tahap pembangunan budaya dan teknologi tinggi (Yilmaz & Morieson, 2022; Yilmaz & Morieson, 2023). Selain itu, tamadun diertikan sebagai sebuah masyarakat kompleks yang mempunyai ciri-ciri pembangunan negara, stratifikasi sosial, urbanisasi, dan sistem simbolik komunikasi di luar bahasa pertuturan semula jadi (Bellah, 1970). Menurut Lozano (1990), Pacey, A. (1993) dan Geels (2004), kebanyakan definisi tamadun termasuk idea pembangunan budaya dan teknologi tahap tinggi, serta ciri-ciri lain seperti pertanian, seni bina, infrastruktur, kemajuan teknologi, percukaian, peraturan, dan pengkhususan buruh.

Kajian tentang tamadun membabitkan pelbagai disiplin ilmu. Antaranya ialah arkeologi, antropologi, dan sosiologi (Hamid, *et. al.*, 2006; Trigger, 2003). Walaupun tiada definisi tunggal bagi konsep tamadun, terdapat beberapa nilai dan ciri utama yang lazimnya dikaitkan dengannya. Ini termasuk pembangunan bandar yang berfungsi sebagai pusat aktiviti politik, ekonomi dan budaya (Redfield, & Singer, 1954; Flew, 2010), stratifikasi sosial yang berbeza berdasarkan faktor seperti kekayaan, kuasa dan status sosial (Dubois, & Ordabayeva, 2015), pengkhususan aktiviti pekerjaan dan perdagangan (Freidson, 1983), memiliki pelbagai institusi seperti sistem kerajaan, agama dan institusi lain yang kompleks (Bovens, 1998).

Selain itu, ketamadunan juga menitikberatkan soal kemajuan teknologi dan inovasi dalam bidang pertanian, pengangkutan, komunikasi dan bidang lain (Irwin, *et al.*, 2010), membangunkan bahasa bertulis bagi tujuan rekod dan komunikasi (Mignolo, 1992) dan perkembangan seni dan budaya seperti kesusasteraan, muzik, seni bina dan seni visual (Simonton, 2003). Walaupun tidak semua tamadun mempamerkan semua ciri-ciri ini, namun mereka secara amnya dianggap sebagai penunjuk penting tahap kerumitan dan pembangunan masyarakat.

Menurut perspektif Islam, konsep tamadun disebut sebagai “*tamaddun*” dan berkait rapat dengan konsep “*umran*”, “*hadarah*”, dan “*madaniyah*”. Istilah ini digunakan secara bergantian untuk menggambarkan perkembangan tamadun manusia (Benlahcene, 2011; Mulyadi, 2021; Abdullah, 2013). Ketamadunan Islam merujuk kepada perkembangan masyarakat manusia dalam aspek fizikal, sosial dan intelek (Norizam, *et al.*, 2015). Keistimewaan konsep tamadun Islam tidak terhad kepada kemajuan material semata-mata, tetapi juga merangkumi pembangunan rohani dan akhlak (Ebrahimi, & Kamaruzaman, 2017). Pelaksanaan tamadun Islam pula menitikberatkan kepentingan keadilan, kesaksamaan, penghormatan terhadap maruah manusia (Bielefeldt, 1995; Ansari, & Salman, 2011), serta menekankan kepentingan pendidikan, ilmu dan hikmah (Ali, 2016). Sejak dari zaman awal, tamadun Islam telah memberikan sumbangan yang besar dalam pelbagai bidang, termasuk sains, perubatan, falsafah dan seni (Renima, *et. al.*, 2016; Zeliha, 2021; Muhammad, 2013).

Dalam pada itu, model ketamadunan Islam turut diperkatakan dalam al-Quran dalam kisah Zulkarnain dalam Surah al-Kahfi, bermula ayat 83 hingga 99 (Ihsan, 2022). Kisah ini

menonjolkan kepentingan keadilan, kesaksamaan, dan pemerintahan yang baik serta seimbang merangkumi aspek material dan spiritual (Nur, 2018). Maka, berbekalkan tekad dan iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempraktikkan ketamadunan Islam, maka gagasan Malaysia Madani telah diperkenalkan oleh Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia ke-10. Dasar ini berusaha menerapkan enam nilai teras, iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Persoalannya, adakah wujud korelasi antara Enam Nilai Teras Malaysia Madani dan kisah Zulkarnain? Oleh itu, artikel ini berusaha untuk menganalisis dan mengekstrak nilai-nilai ketamadunan sebagai suatu integrasi terhadap dasar kerajaan Malaysia dan pandangan al-Quran.

2. METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini adalah berdasarkan pendekatan kajian secara kualitatif melibatkan tinjauan literatur dan analisis kandungan. Kajian literatur digunakan untuk memahami konsep tamadun, latar belakang kisah Zulkarnain dan nilai-nilai teras Malaysia Madani. Pengumpulan data dilakukan dengan meneliti jurnal ilmiah, tesis, buku dan sumber lain yang berkaitan (Knopf, 2006). Dalam pada itu, analisis kandungan secara tematik digunakan untuk mengenal pasti nilai teras tamadun yang diungkapkan dalam kisah Zulkarnain. Kajian literatur akan membantu menyediakan asas bagi analisis kualitatif untuk mengenal pasti tema dan konsep utama yang perlu diterokai dalam analisis (Onwuegbuzie, *et. al.*, 2015; Mason, 2002). Analisis kandungan digunakan untuk mendalami tema dan konsep untuk mengenal pasti cara-cara khusus (Bengtsson, 2016). Dengan menggunakan gabungan kajian literatur dan analisis kualitatif membolehkan pemahaman yang menyeluruh dan mendalam tentang tajuk kajian.

3. DAPATAN KAJIAN

Malaysia Madani ialah kerangka dasar dan slogan kerajaan yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10, Anwar Ibrahim. Konsep ini memberi tumpuan terutamanya kepada tadbir urus yang baik, pembangunan mampan dan keharmonian kaum di negara ini. Konsep Malaysia Madani berfungsi sebagai pengganti kepada konsep Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh pentadbiran terdahulu di bawah Perdana Menteri ke-9, Ismail Sabri Yaakob. Konsep Malaysia Madani pertama kali diterbitkan ke dalam sebuah buku dan dilancarkan pada 2 Oktober 2022, sebulan sebelum pilihan raya umum Malaysia 2022. Selepas pelantikan Anwar sebagai Perdana Menteri, konsep Malaysia Madani telah diperkenalkan sebagai dasar negara pada 19 Januari 2023 di Putrajaya.

Madani ialah akronim kepada enam nilai teras, iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Konsep Malaysia Madani bertujuan untuk mengubah Malaysia menjadi sebuah negara yang lebih makmur dan maju dengan menekankan enam nilai teras tamadun. Gagasan ini telah mendapat perhatian daripada pelbagai negara dan telah dilihat secara positif sebagai rangka kerja pembangunan mampan dan tadbir urus yang baik. Hasil kajian menunjukkan bahawa kisah Zulkarnain dalam Surah al-Kahfi memaparkan refleksi yang jelas terhadap enam nilai teras Malaysia Madani yang menjadi landasan masyarakat

bertamadun. Berikut adalah kesimpulan dan bukti yang dikumpulkan untuk menyokong setiap nilai teras tersebut:

Jadual 1: Refleksi Enam Nilai Teras Malaysia Madani dan Kisah Zulkarnain Dalam Surah al-Kahfi

No.	Nilai Teras	Pernyataan
1	Kemampanan	<ul style="list-style-type: none"> Zulkarnain menghalang Yakjuj dan Makjuj yang menjadi punca kerosakan di bumi, kehilangan jiwa dan kemusnahan alam sekitar.
2	Kesejahteraan	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan undang-undang yang adil menjamin kesejahteraan rakyat di bawah taklukan Zulkarnain.
3	Daya cipta	<ul style="list-style-type: none"> Zulkarnain memiliki kenderaan dan kelengkapan perang yang hebat sehingga mampu menjadi penakluk dunia. Teknologi dalam pembangunan tembok yang terdiri daripada besi dan cairan tembaga.
4	Hormat	<ul style="list-style-type: none"> Zulkarnain mempamerkan sikap hormat terhadap semua manusia daripada pelbagai bangsa, agama dan budaya.
5	Keyakinan	<ul style="list-style-type: none"> Zulkarnain yakin bahawa tembok yang dibinanya sangat kukuh dan mampu menghalang Yakjuj dan Makjuj. Zulkarnain yakin bahawa tembok yang dibina itu akan runtuh apabila tiba yang telah dijanjikan.
6	Ihsan	<ul style="list-style-type: none"> Zulkarnain membela nasib golongan tertindas, mendengar aduan dan membantu rakyatnya tanpa menerima sebarang upah.

4. PERBINCANGAN

Malaysia Madani, slogan yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia semasa, YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim pada 19 Januari 2023. Gagasan ini mempromosikan enam nilai teras iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan, dan ihsan. Prinsip-prinsip ini mempunyai hubungan sebagai amanah bersama antara kerajaan dan rakyat. Nilai-nilai yang digariskan ini adalah berlandaskan kepada nilai-nilai tadbir urus Islam (Aziz, & Rusli, 2023: Malaysia Madani, 2023).

Setiap era dalam sejarah peradaban, pihak yang memegang tampuk kuasa dan kepimpinan terpaksa menghadapi cabaran tersendiri. Sejarah dunia telah mencatatkan tentang Zulkarnain, seorang tokoh pembina tamadun yang pernah mengembara ke seluruh dunia dengan menunggang binatang tunggangannya, bersama-sama dengan beribu-ribu bala tentera yang lengkap bersenjata. Kisah Zulkarnain dirakamkan dalam al-Quran dalam firman Allah SWT:

﴿وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ ذِي الْقُرْنَيْنِ قُلْ سَأَتْلُوا عَلَيْكُمْ مِنْهُ ذِكْرًا﴾

Terjemahan: “Dan mereka akan bertanya kepadamu tentang Zulkarnain (Yang Bertanduk Dua). Katakanlah: “Aku akan menyampaikan kepadamu sesuatu yang dengannya dia harus diingat”. [al-Kahfi, 18:83]

Kisah keempat dan terakhir yang diceritakan dalam Surah al-Kahfi adalah tentang Zulkarnain, penakluk dunia yang soleh dan adil (Nim, 2017). Menurut al-Tabari (2001), golongan yang bertanya Nabi Muhammad SAW tentang kisah Zulkarnain ialah sama ada golongan Ahli Kitab atau kaum Musyrikin. Beberapa ahli Tafsir menjelaskan tentang sebab Allah SWT menggelarnya sebagai *Dhu al-Qarnayn* atau “pemilik (ذِي) dua tanduk (الْقَرْنَيْنِ)” adalah kerana kejayaannya menakluk Timur dan Barat dunia. Sebab kedua ialah Zulkarnain sentiasa memakai topi yang memiliki dua tanduk atau gelaran itu sebagai simbol keberaniannya. Menurut al-Zuhayli (1991), berdasarkan pendapat yang sahih, Zulkarnain bukanlah seorang nabi. Selain itu, Zulkarnain dan Alexander the Great adalah dua individu yang berlainan menurut pendapat terpilih, meskipun identitinya hangat diperdebatkan (Arma, 2020; Yoga, *et. al.*, 2021; Pratama, 2017).

Kisah Zulkarnain dalam Surah al-Kahfi menonjolkan secara jelas tentang kepentingan keadilan, perlindungan, keterbukaan terhadap pembelajaran, keberanian, keazaman dan kebijaksanaan. Ini semua adalah kualiti yang penting untuk seorang pemimpin yang baik, dan ia adalah kualiti yang kerajaan Malaysia Madani harus berusaha untuk mempertahankannya (Wisnu, 2021; Robi, 2022. Perbincangan di bawah disusun mengikut turutan nilai teras Malaysia Madani, diikuti dengan pengertian nilai, ayat al-Quran yang berkenaan, interpretasi nilai mengikut kisah Zulkarnain, dan diakhiri dengan aplikasi nilai dalam konteks negara ini.

Nilai Teras 1: Kemampanan

Kemampanan adalah nilai teras pertama dalam gagasan Malaysia Madani dan menjadi refleksi terhadap visi untuk masa depan Malaysia. Nilai ini mewujudkan kualiti hidup yang seimbang berdasarkan imej unik Malaysia, pengetahuan dan kebijaksanaan tempatan. Anwar Ibrahim (2023) dalam bukunya *Membangun Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi* menjelaskan bahawa nilai kemampanan adalah mengenai meningkatkan kualiti hidup untuk semua rakyat Malaysia di samping melindungi alam sekitar. Pelaksanaan nilai teras ini memerlukan kerjasama daripada semua rakyat, di bandar atau luar bandar. Kemampanan menekankan aspek keseimbangan antara keperluan manusia dan alam sekitar, menghormati dan menjaga semua makhluk hidup, termasuk haiwan dan tumbuhan (Malaysia Madani, 2023)

Kisah Zulkarnain dalam Surah al-Kahfi boleh dikaitkan dengan nilai kemampanan berdasarkan firman Allah SWT:

﴿إِنَّا مَكَّنَّا لَهُ فِي الْأَرْضِ وَءَاتَيْنَاهُ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ سَبَبًا﴾

Terjemahan: “Ingatlah, Kami telah meneguhkan dia di muka bumi, dan Kami anugerahkan kepadanya (pengetahuan tentang) jalan yang benar untuk mencapai apa-apa (yang hendak dicapainya).” [al-Kahfi, 18:84]

Ayat di atas menjelaskan tentang kunci nilai kemampanan tamadun yang dibina oleh Zulkarnain. Allah SWT menganugerahkan kekuasaan kepada Zulkarnain untuk menjelajah dan melakukan penaklukan ke hampir seluruh pelosok dunia (Ibn Kathir, 1999). Zulkarnain telah

dikurniakan kebijaksanaan, diilhamkan tentang strategi dan cara-cara untuk mencapai segala maksud dan tujuannya (al-Zuhayli, 1991; al-Alusi, 1994). Artinya, Allah SWT memberikan kepadanya ilmu pengetahuan yang cukup, kekuasaan yang luas dan kelengkapan ketenteraan yang diperlukan untuk mencapai tujuannya itu (al-Qurtubi, 1964; al-Baghawi, 1997). Ciri-ciri kepemimpinan tersebut diistilahkan sebagai *al-sabab* berdasarkan interpretasi Ibn ‘Abbas, Sa’id bin Jubayr, Mujahid, Ibn Zayd, Ibn Jurayj dan lain-lain (al-Tabari, 2001; Ibn Kathir, 1999). Ringkasnya, kebijaksanaan pemimpin merupakan kunci dalam mencapai kemampanan sesebuah negara dan tamadun (Muhammad, & Suriani, 2022).

Refleksi nilai kemampanan dalam kisah Zulkarnain dapat disoroti dalam beberapa aspek. Kelestarian alam sekitar tetap dijaga apabila beliau mengembara dan menakluk pelbagai negara (Kurniasari, *et. al.*, 2019). Beliau tetap menjaga alam sekitar dan memastikan bala tenteranya tidak memudaratkan sumber asli kawasan yang dilawatinya. Selain itu, kelestarian sosial dan ekonomi dijaga dengan menjaga kebajikan, menegakkan keadilan dan kesaksamaan dalam kalangan rakyat. Zulkarnain juga menghormati kepelbagaian budaya dan kepercayaan masyarakat yang berada di bawah jajahan taklukannya yang dilawatinya (Majid, *et. al.* 2022)

Rumusannya, kerajaan dan rakyat Malaysia perlu bersinergi dalam melaksanakan kelestarian kehidupan manusia bersama alam sekitar yang diilhamkan daripada kisah Zulkarnain. Pelaksanaan nilai kemampanan hendaklah disertai suatu jaminan bahawa semua orang berpeluang menikmati kualiti hidup yang baik, alam sekitar yang tidak rosak dalam keghairahan usaha pembangunan negara, berasaskan tadbir urus yang baik dan sebagainya. Nilai kemampanan dalam Malaysia Madani akan menjadi tugas yang kompleks dan mencabar, tetapi ia adalah penting jika rakyat dan pemimpin ingin mencipta masa depan yang lebih baik untuk semua rakyat Malaysia.

Nilai Teras 2: Kesejahteraan

Nilai teras kedua ialah kesejahteraan. Menurut Kamus Dewan, kesejahteraan merujuk kepada aspek keselamatan, kesenangan, kesentosaan, ketenteraman kehidupan yang aman, harmoni, dan sejahtera (Kamus Dewan, 2004). Nilai teras kesejahteraan dalam gagasan Madani Malaysia adalah tentang mewujudkan masyarakat yang mampu berkembang maju, baik dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar. Pelaksanaan nilai teras ini memastikan setiap rakyat mempunyai akses kepada pendidikan, penjagaan kesihatan dan perumahan yang berkualiti. Pembudayaan ilmu dan kepelbagaian pandangan disuburkan supaya masyarakat mampu mengambil bahagian dalam membina masa depan yang lebih baik untuk Malaysia. Selain itu, kesejahteraan juga dikaitkan dengan keseimbangan dan kebahagiaan dalam kehidupan. Malaysia Madani bukan hanya menerapkan rakyat negara ini mengejar kesejahteraan duniawi semata-mata, tetapi perlu diseimbangkan antara keperluan jasmani dan rohani (Anwar Ibrahim, 2023; Malaysia Madani, 2023)

Refleksi nilai kesejahteraan Malaysia Madani boleh dikaitkan dengan kisah Zulkarnain dalam Surah al-Kahfi berdasarkan firman Allah SWT:

﴿قَالَ أَمَّا مَنْ ظَلَمَ فَسَوْفَ نَعَذِّبُهُ ثُمَّ يُرَدُّ إِلَىٰ رَبِّهِ فَيُعَذِّبُهُ عَذَابًا نُكَرًا وَأَمَّا مَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُ جَزَاءٌ
الْحُسْنَىٰ وَسَنَقُولُ لَهُ مِنْ أَمْرِنَا يُسْرًا﴾

Terjemahan: Dia (Zulkarnain) berkata: "Adapun orang yang melakukan kezaliman (kufur derhaka), maka kami akan menyeksanya; kemudian dia akan dikembalikan kepada Tuhannya, lalu diazabkannya dengan azab seksa yang seburuk-buruknya. Manakala orang yang beriman dan beramal soleh, maka baginya balasan yang sebaik-baiknya; dan kami akan perintahkan kepadanya perintah-perintah kami yang tidak memberati". [al-Kahfi, 18: 87-88].

Berdasarkan dua ayat di atas, Allah SWT telah memerintahkan kepada Zulkarnain agar memilih antara dua pendekatan, sama ada menyerang mereka atau mengajak rakyatnya supaya beriman kepada Allah SWT (al-Zuhayli, 1991). Ertinya, Zulkarnain diilhamkan oleh Allah SWT supaya membunuh mereka jika mereka tidak mahu mengakui keesaan Allah SWT dan enggan tunduk kepada dakwahnya. Pilihan kedua ialah mengajarkan kepada mereka petunjuk dan syariat sehingga mereka mengenal dan meyakini kebenaran agama (al-Zuhayli, 1991; al-Alusi, 1994).

Sebagai penguasa empayar yang luas, Zulkarnain menitikberatkan nilai kesejahteraan dalam kalangan rakyatnya. Justifikasinya, tindakan undang-undang dikenakan kepada rakyat yang melakukan kezaliman dan melanggar peraturan yang ditetapkan (al-Zuhayli, 1991). Justeru, apabila undang-undang didaulatkan dan dipraktikkan secara adil dan konsisten kepada semua pihak, maka nilai kesejahteraan dapat dikecapi oleh semua peringkat rakyat jelata dari aspek fizikal, mental dan rohani (Pratama, 2017).

Selain penguatkuasaan undang-undang, refleksi nilai kesejahteraan pada karakter Zulkarnain juga terserlah dalam usahanya membangunkan tembok untuk melindungi masyarakatnya daripada ancaman Yakjuj dan Makjuj. Ertinya, dalam menjadikan sesebuah negara itu maju dan bertamadun, maka kepimpinan negara perlu komited dan menunjukkan sikap peduli terhadap kesejahteraan dan keselamatan rakyatnya (Ihsan, 2022). Menurut al-Qurtubi, (1964), tindakan membina tembok itu menjadi dalil kepada keharusan kepada pemerintah untuk menjadikan penjara sebagai tempat bagi pesalah menjalani hukuman.

Rumusannya, dalam konteks Malaysia Madani, nilai kesejahteraan dapat dicapai dengan menggalakkan keadilan dan kesaksamaan untuk semua rakyat Malaysia, tanpa mengira bangsa, agama atau status sosial mereka. Ini boleh dilakukan dengan menggubal undang-undang yang menggalakkan kesaksamaan dan dengan menguatkuasakan undang-undang ini secara adil dan konsisten (Ibrahim, *et. al.*, 2020). Kesejahteraan Malaysia juga dapat dicapai dengan memperkasakan aspek keselamatan dalam negara dengan mengurangkan kadar jenayah, salah laku yang menyalahi undang-undang. Sistem pertahanan dan ketenteraan negara pula perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan ancaman daripada pihak luar (Jalal, & Ismail, 2016).

Nilai Teras 3: Daya Cipta

Nilai teras Malaysia Madani ketiga ialah daya cipta. Nilai ini melibatkan inovasi, kreativiti, dan reka baharu. Menurut Anwar Ibrahim (2023), rekaan memerlukan perancangan dan niat yang jelas, serta kreativiti yang menjadi elemen penting dalam proses tersebut. Kreativiti merupakan tunjang utama dalam daya cipta, yang merupakan salah satu rukun Madani untuk mencipta perubahan berterusan dan memperkasa kreativiti rakyat. Negara berdaya cipta akan menyediakan lingkungan dan infrastruktur yang merangsang kreativiti serta mendorong penghasilan sistem, produk, idea, dan proses yang lebih maju (Malaysia Madani, 2023)

Kisah Zulkarnain memberikan refleksi terhadap salah satu nilai ketamadunan iaitu daya cipta, inovasi atau kreativiti dalam menyelesaikan masalah. Refleksi nilai daya cipta dapat ditinjau dalam konteks firman Allah SWT:

﴿ءَاتُونِي زُبَرَ الْحَدِيدِ حَتَّىٰ إِذَا سَاوَىٰ بَيْنَ الصَّدَفَيْنِ قَالَ أَنفُخُوا حَتَّىٰ إِذَا جَعَلَهُ نَارًا قَالَ ءَاتُونِي أُفْرِغَ عَلَيْهِ قِطْرًا﴾

Terjemahan: "Bawalah kepadaku ketul-ketul besi"; sehingga apabila ia terkumpul separas tingginya menutup lapangan antara dua gunung itu, dia pun perintahkan mereka membakarnya dengan berkata: "Tiuplah dengan alat-alat kamu" sehingga apabila ia menjadikannya merah menyala seperti api, berkatalah dia: "Bawalah tembaga cair supaya aku tuangkan atasnya". [al-Kahfi, 18: 96].

Ayat di atas menjelaskan tentang proses pembinaan benteng yang dilakukan secara kerjasama antara Zulkarnain, para tentera dan masyarakat tempatan (Teguh, 2022). Proses dimulakan dengan menghimpunkan kepingan besi dan disusun dengan rapi antara dua buah gunung (al-Alusi, 1994). Zulkarnain memerintahkan agar digerakkan alat peniup angin untuk menyalakan api dan memanaskan kepingan-kepingan besi. Apabila besi itu panas kemerahan, maka dituangkan cairan tembaga sehingga menutup liang-liang antara kepingan besi (al-Zuhayli, 1991; Kustomo, 2022). Akhirnya, terbina sebuah benteng besi yang kukuh dan kuat (Anggraini, & Muhib, 2023). Justeru, penghalang ini tidak dapat diatasi dan ditembusi serta memerangkap Yakjuj dan Makjuj di lembah antara gunung (al-Alusi, 1994).

Refleksi nilai daya cipta, inovator dan kreativiti dalam petikan kisah ini sangat jelas. Zulkarnain diberi kebijaksanaan dan keahlian untuk mengatasi rintangan yang sukar dengan membangun tembok yang kuat (Nasyrudin, et. al. 2019; Ihsan, 2022). Justeru, nilai ini amat signifikan untuk diterapkan dalam sistem pendidikan negara ini di pelbagai peringkat. Selain itu, teknologi dan sumber manusia perlu dimanfaatkan secara optimum untuk menyelesaikan masalah dan meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. Akhirnya, implementasi nilai daya cipta mampu membangunkan ekonomi, pendidikan, dan infrastruktur (Media Baharu, 2023)

Nilai Teras 4: Hormat

Nilai teras Malaysia Madani keempat ialah hormat. Istilah ini mengalami perubahan makna sepanjang zaman, kadangkala dikelirukan dengan sikap taklid buta atau ketaatan mutlak. Namun, nilai hormat mengandungi konotasi maruah manusia dan berkaitan dengan adab, budi bahasa, kesopanan dan kerendahan diri. Justeru, pentakrifan hormat harus menekankan hak asasi manusia dan maruah, serta memerlukan rasa hormat oleh kedua-dua belah pihak. Hormat timbul apabila seseorang bersedia menyusuli kekhilafan dengan penambahbaikan dan akan mengukuhkan persaudaraan antara rakyat yang saling hormat-menghormati (Anwar Ibrahim, 2023; Malaysia Madani, 2023)

Refleksi nilai hormat terdapat pada sikap Zulkarnain yang menunjukkan bahawa beliau seorang pemimpin yang hormat, bertolak ansur dengan melayan semua rakyatnya dengan bermaruah. Misalnya, dalam firman Allah SWT dinyatakan:

﴿قَالُوا يَا ذَا الْقُرْنَيْنِ إِنَّ يَا جُوجَ وَمَأْجُوجَ مُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ خَرْجًا عَلَىٰ أَنْ تَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ سَدًّا﴾

Terjemahan: " Sehingga apabila ia sampai di antara dua gunung, ia dapati di sisinya satu kaum yang hampir-hampir mereka tidak dapat memahami perkataan. Mereka berkata: "wahai Zulkarnain, sesungguhnya kaum Yakjuj dan Makjuj sentiasa melakukan kerosakan di bumi; oleh itu, setujukah kiranya kami menentukan sejumlah bayaran kepadamu (dari hasil pendapatan kami) dengan syarat engkau membina sebuah tembok di antara kami dengan mereka?" [al-Kahfi, 18: 94]

Ayat di atas memetik dialog yang mengandungi tawaran daripada rakyat bawahan terhadap penakluk yang menguasai kawasan mereka. Melalui medium juru bahasa, Zulkarnain menerima aduan daripada masyarakat tempatan tentang ancaman Yakjuj dan Makjuj serta kerosakan yang telah dilakukan. Dalam pada itu, penduduk tempatan turut menawarkan upah sekiranya Zulkarnain mampu membantu untuk membina tembok penghadang seperti yang dikehendaki.

Zulkarnain telah menunjukkan suatu refleksi terhadap nilai dan sikap hormat dengan menghormati hak-hak dan martabat manusia, tanpa membeza-bezakan antara budaya, bangsa, agama atau bahasa (Basyirah, *et. al.*, 2023). Beliau memahami keperluan mereka dengan mengambil tindakan segera untuk melindungi rakyat dan negeri mereka daripada bahaya. Ruang dan peluang yang diberikan oleh Zulkarnain kepada rakyatnya menunjukkan beliau tidak sombong atau angkuh dengan kelebihan yang ada padanya, tetapi memiliki sifat rendah hati dan sopan santun (Ihsan, 2022)

Dalam konteks pelaksanaan nilai hormat oleh gagasan Malaysia Madani, kerajaan dan rakyat perlu memupuk hubungan baik sesama sendiri atau terhadap negara-negara lain, menjalinkan kerjasama dalam pelbagai bidang untuk kepentingan bersama. Selain itu,

pemimpin dan rakyat perlu bersinergi untuk menyelesaikan konflik secara aman dan menggalakkan persefahaman dan toleransi dalam masyarakat.

Nilai Teras 5: Keyakinan

Keyakinan merupakan nilai teras kelima dalam gagasan Malaysia Madani. Anwar Ibrahim (2023) menjelaskan bahawa terdapat dua istilah yang membantu memperjelas makna keyakinan; iaitu kepercayaan, yang mencakup makna keimanan, dan pertanggungjawaban, yang menghubungkan prinsip timbal balik terhadap keseluruhan keyakinan. Ertinya, seseorang itu bertanggung jawab untuk membangun keyakinan rakyat dan menghormati kepercayaan yang diberikan kepada pemimpin. Keyakinan menjadi sangat penting pada saat ini, lebih daripada sekadar memelihara reputasi individu. Ia menjadi inti dalam kehidupan sehari-hari, dari perniagaan hingga kehidupan sosial. Dengan keyakinan, negara ini mampu membangun kembali dan mengatasi rintangan yang menghalang (Malaysia Madani, 2023)

Refleksi nilai keyakinan dalam kisah Zulkarnain sangat jelas dalam ucapannya selepas selesai membina tembok besi tersebut. Firman Allah SWT:

﴿فَمَا اسْطَاعُوا أَنْ يَظْهَرُوهُ وَمَا اسْتَطَاعُوا لَهُ نَقْبًا﴾ قَالَ هَذَا رَحْمَةٌ مِنْ رَبِّي فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَّاءٌ وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا﴾

Terjemahan: "Maka mereka tidak dapat memanjat tembok itu, dan mereka juga tidak dapat menebuknya. (Setelah itu) berkatalah Zulkarnain: "Ini ialah suatu rahmat dari Tuhanku; dalam pada itu, apabila sampai janji Tuhanku, Dia akan menjadikan tembok itu hancur lebur, dan adalah janji Tuhanku itu benar". [al-Kahfi, 18: 97].

Ayat di atas menjelaskan bahawa tatkala Yakjuj dan Makjuj mengadakan pencerobohan ke tempat tersebut, mereka tidak mampu mendakinya kerana tembok itu terlalu tinggi. Selain itu, mereka juga tidak mampu menembusi atau melubangi tembok itu kerana terlalu tebal. Zulkarnain bersyukur dan menyandarkan bahawa kejayaannya membina tembok itu merupakan suatu rahmat daripada Allah SWT. Beliau juga meyakini bahawa tembok yang kukuh itu apabila tiba masanya bakal binasa dan menjadi rata seperti yang dijanjikan oleh Allah SWT (Desy, *et. al.*, 2019)

Nilai keyakinan merupakan ciri penting kepada kepimpinan yang berwibawa. Zulkarnain menunjukkan nilai keyakinan terhadap diri dan kemampuan rakyat, ketegasan dalam membuat dasar dan keputusan amat perlu dalam mengendalikan krisis dan isu-isu yang sukar (Ihsan, 2022: Nur, 2018). Justeru, pentadbiran kerajaan Malaysia Madani perlu mempunyai pemimpin yang berani mengambil keputusan berdasarkan kepada kepentingan rakyat dan negara, meskipun ia tidak bersifat populis.

Nilai Teras 6: Ihsan

Nilai teras terakhir ialah ihsan. Takrifan nilai teras ihsan dalam konteks gagasan Malaysia Madani sedikit berbeza dengan takrifan kebiasaan. Menurut Anwar Ibrahim (2023), ihsan itu sinonim dengan makna peduli dan belas kasihan. Nilai ihsan yang diaplikasikan dalam negara ini merujuk kepada tanggungjawab sosial yang menyeluruh, sentiasa diamalkan, dengan menyelami penderitaan dan kemelaratan orang lain, sekali gus berusaha untuk mencari jalan bagi mengubatnya. Nilai ihsan perlu dihayati oleh rakyat dengan penuh rasa kejujuran dan tekad yang ampuh. Demikian akan memartabatkan seluruh anggota masyarakat dari aspek ekonomi, kewangan, sikap dan tingkah laku.

Refleksi nilai ihsan dalam kisah Zulkarnain adalah pada cara komunikasinya bersama rakyat di bawah jajahan taklukannya. Hal ini dapat ditinjau daripada firman Allah SWT:

﴿قَالَ مَا مَكَّنِّي فِيهِ رَبِّي خَيْرٌ فَأَعِينُونِي بِقُوَّةٍ أَجْعَلْ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ رَدْمًا﴾

Terjemahan: Dia menjawab: “(kekuasaan dan kekayaan) yang Tuhanku jadikan daku menguasainya, lebih baik (daripada bayaran kamu); oleh itu bantulah daku dengan tenaga (kamu beramai-ramai) aku akan bina antara kamu dengan mereka sebuah tembok penutup yang kukuh.” [al-Kahfi, 18: 95].

Apabila ditawarkan upah bagi kerja pembinaan tembok besi tersebut, Zulkarnain menjawab bahawa nikmat-nikmat yang Allah SWT kurniakan kepadanya seperti ilmu pengetahuan, empayar yang luas dan kekayaan yang melimpah ruah itu jauh lebih bernilai daripada upah yang ditawarkan (Isti & Ahmad 2021). Zulkarnain menjelaskan bahawa sokongan dan bantuan yang diperlukan ialah kekuatan tenaga manusia dan peralatan serta bahan untuk membina tembok tersebut (al-Zuhayli, 1991). Justeru, kesediaan Zulkarnain untuk mendengar rintihan rakyat dan membantu mereka tanpa mengharapkan balasan daripada mereka merupakan suatu refleksi terbaik terhadap nilai ihsan (al-Zukayli, 1991).

Dalam konteks pelaksanaan nilai ihsan dalam gagasan Malaysia Madani, pihak pemimpin pada semua peringkat perlu komited untuk melindungi, membela nasib dan memastikan hak asasi golongan miskin tegar, anak yatim, gelandangan, penganggur, orang kurang upaya (OKU dan sebagainya itu dihormati. Selain itu, kerajaan Malaysia perlu berusaha menyediakan pendidikan dan penjagaan kesihatan yang berkualiti untuk semua rakyat (Malaysia Madani, 2023; Belanjawan Madani, 2023)

Secara keseluruhannya, implikasi daripada dapat kajian ini ialah negara Malaysia mampu menjadi sebuah negara yang lebih bertamadun dengan menjunjung nilai-nilai teras ini. Dengan mengaplikasikan nilai kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan, rakyat Malaysia dapat menikmati tanahair yang aman, makmur, dan adil untuk semua. Selain itu, kajian juga mendapati bahawa kisah Zulkarnain adalah relevan dengan konteks Malaysia kerana menyediakan satu model bagaimana untuk membina umat yang adil dan saksama.

Dalam pada itu, kisah ini menunjukkan bahawa tidak mustahil untuk mewujudkan suatu komuniti di mana semua orang dilayan dengan bermaruah dan terhormat, tanpa mengira latar belakangnya. Negara juga mampu mengatasi cabaran dan mencapai kejayaan yang hebat melalui keberanian dan kebijaksanaan pemimpin (Ihsan, 2022). Akhirnya, dengan mempromosikan enam nilai teras Malaysia Madani, negara ini boleh menjadi sebuah negara yang bertamadun dan berdaya maju di rantau ini (Malaysia Madani, 2023)

5. KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk mengekstrak refleksi nilai teras Malaysia Madani yang terkandung dalam kisah Zulkarnain dalam Surah al-Kahfi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat enam nilai teras Malaysia Madani iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Implikasi daripada dapatan kajian ini adalah bahawa nilai-nilai teras ini dapat memberikan kompas moral yang berharga dan signifikan untuk mewujudkan Malaysia yang benar-benar bertamadun dan seimbang. Cadangan kajian akan datang adalah untuk mengkaji bagaimana nilai-nilai teras ini dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian dan bagaimana ia dapat membantu memperkukuhkan lagi gagasan Malaysia Madani.

6. RUJUKAN

- Abdullah, A. A., Awang, M. D., Abdul Kadir, M. N., Mohd. Fadzil, A. F., & Hamzani, D. H. (2021). Ethics and Civilization in Malaysian Multiracial Society. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(12). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i12/11940>
- Al-Alusi, Mahmud bin ‘Abdullah. (1994). *Ru hal-Ma’ani fi Tafsir al-Quran al-Azim*. Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Baghawi, al-Husayn bin Mas’ud. (1997). *Ma’alim al-Tanzil fi Tafsir al-Quran*. Riyadh, Dar Taybah.
- Ali Muhammad Bhat. (2016). Human Psychology (fitrah) from Islamic Perspective. *International Journal of Nusantara Islam*, 4(2), 61–74. <https://doi.org/10.15575/ijni.v4i2.1187>
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. (1964). *Al-Jami’ li Ahkam al-Quran*. Kaherah, Dar al-Kutub al-Masriyyah.
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. (2001). *Jami’ al-Bayan fi Ta’wil ‘Ay al-Quran*. Jordan, Dar Hajar.
- Al-Zuhayli, Wahbah bin Mustafa. (1991). *Al-Tafsir al-Munir fi al-‘Aqidah wa al-Shariah wa al-Manhaj*. Beirut, Dar al-Fikr.
- Anggraini, E., & Muhib Rosyidi. (2023). Karakteristik Metalurgi Pada Zaman Zulkarnain Dalam Kajian Sains: Besi Dan Tembaga. *JISTech (Journal of Islamic Science and Technology)*, 8(1), 12–19. <https://doi.org/10.30829/jistech.v8i1.14627>

- Anwar Ibrahim. (2023). *Membangun Malaysia MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. Selangor, IDE Research Centre Sdn. Bhd.
- Arma, A. (2020). Israiliyat dalam Tafsir Al-Qur'an. *Al-Fath*, 6(2), 206–231. <https://doi.org/10.32678/alfath.v6i2.3221>
- Basyirah, W., Muhamad Zaidi Zakaria, & Muhammad. (2023). Analisis Nilai-Nilai Budaya Dalam Kisah Surah Al-Kahfi: Orientation of Cultural Values In The Story Of Surah Al-Kahfi. *the Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 10(1), 102–119. <http://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/220>
- Belanjawan Madani 2023, Agihan Adil Buat Semua Dalam Mempertingkatkan Kualiti Hidup Rakyat. (2023). Mof.gov.my. <https://budget.mof.gov.my/manfaat/article/Belanjawan-MADANI-2023.html>
- Bellah, R. N. (1970). Religious Evolution. *Elsevier EBooks*, 211–244. <https://doi.org/10.1016/b978-0-08-006812-1.50015-0>
- Bengtsson, M. (2016). How to plan and perform a qualitative study using content analysis. *NursingPlus Open*, 2, 8-14. <https://doi.org/10.1016/j.npls.2016.01.001>
- Benlahcene, B. (2011). *The Socio-intellectual Foundations of Malek Bennabi's Approach to Civilization*. International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Bielefeldt, H. (1995). Muslim voices in the human rights debate. *Human Rights Quarterly*, 17(4), 587-617. <https://doi.org/10.1353/hrq.1995.0034>
- Bovens, M. (1998). *The quest for responsibility: Accountability and citizenship in complex organisations*. Cambridge university press.
- Desy Kurniasari, Noor Indah Simponi, & Arghob Khofya Haqiqi. (2019). Integrasi Nilai-nilai Keislaman pada Reaksi Redoks dan Elektrokimia terhadap Rahasia Kekuatan Benteng Besi Zulkarnain. *Walisongo Journal of Chemistry*, 2(1), 26–26. <https://doi.org/10.21580/wjc.v3i1.3875>
- Dubois, D. and Ordabayeva, N. (2015). Social hierarchy, social status, and status consumption. *The Cambridge Handbook of Consumer Psychology*, 332-367. <https://doi.org/10.1017/cbo9781107706552.013>
- Flew, T. (2010). Toward a cultural economic geography of creative industries and urban development: introduction to the special issue on creative industries and urban development. *The Information Society*, 26(2), 85-91. <https://doi.org/10.1080/01972240903562704>
- Freidson, E. (1983). The theory of professions: state of the art. *The Sociology of the Professions*, 19-37. https://doi.org/10.1007/978-1-349-16979-5_2
- Hamid, A. A., Balwi, M. K., Othman, M. F., & Kassim, O. A. (2006). *Rekacipta & Inovasi dalam Perspektif Kreativiti*. Penerbit UTM.

- Hamzani, D. N., Abdullah, A. A., Awang, Mohd. D., Abdul Kadir, M. N., & Mohd. Fadzil, A. F. (2021). A Historical Appraisal of Ethics and Civilization in Malaysia from Pre-Colonial to Post-Colonial Era. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(12). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i12/11785>
<https://doi.org/10.3390/rel13111026>
- Ibn Kathir, Ismail bin ‘Umar. (1999). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Riyadh, Dar Taybah.
- Ibrahim, M. H. W., Esa, M. S., Ationg, R., Muiz, A. M. R. A., Tamring, B. A. M., & Abdullah, S. (2020). Pengetahuan tentang perlembagaan dan undang-undang dalam kalangan pelajar baharu di universiti malaysia sabah (ums). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 367-375. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.603>
- Ihsan, W. (2022). Zulkarnain Perspektif Tafsir Al-Qur’an Departemen Agama Ri (Keseimbangan Ajaran Agama Dan Ilmu Pengetahuan). *At-Tuhfah : Jurnal Studi Keislaman*, 11(1), 79–92. <https://journal.unugiri.ac.id/index.php/at-tuhfah/article/view/753>
- Irwin, E. G., Isserman, A. M., Kilkenny, M., & Partridge, M. D. (2010). A Century of Research on Rural Development and Regional Issues. *American Journal of Agricultural Economics*, 92(2), 522–553. <https://doi.org/10.1093/ajae/aaq008>
- Isti Faniyah, & Ahmad Fauzan Hidayatullah. (2021). Kajian Logam Dalam Al-Qur’an dan Korelasinya pada Konsep Pemikiran Jabir Bin Hayyan. *Al Kimiya: Jurnal Ilmu Kimia Dan Terapan*, 8(1), 21–27. <https://journal.uinsgd.ac.id/index.php/ak/article/view/10704/5718>
- Jalal, B., & Ismail, A. S. (2016). Sumbangan Angkatan Tentera Malaysia Bagi Kesenambungan Tamadun Melayu Islam dan Keamanan Global. In *Prosiding Seminar Kebangsaan Tamadun & Warisan Islam (TAWIS)*, 56-67.
- Knopf, J. W. (2006). Doing a Literature Review. *PS Political Science & Politics*, 39(1), 127–132. <https://doi.org/10.1017/s1049096506060264>
- Kustomo. (2022). Analisis Metalurgi Menurut Ilmu Kimia Dan Perspektif Al-Quran: Tinjauan Surat Al-Kahfi Ayat 96-97. *Konferensi Integrasi Interkoneksi Islam Dan Sains*, 4(1), 364–369. <https://ejournal.uin-suka.ac.id/saintek/kiiis/article/view/3188>
- Majid, W. B. A., Zakaria, M. Z., & Rusdi, M. I. M. (2022). Analisis Nilai-Nilai Budaya Dalam Kisah Surah Al-Kahfi. *e-BANGI*, 19(7), 18-32.
- Malaysia Madani - Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan, Ihsan. (2023, August 2). Malaysia MADANI. <https://malaysiamadani.gov.my/>
- Mason, J. (2002). Linking qualitative and quantitative data analysis. *Routledge EBooks*, 103–124. <https://doi.org/10.4324/9780203413081-10>
- Media Baharu. (2023, April 20). Malaysia Madani, membudaya daya cipta rakyat. Portal Berita RTM. <https://berita.rtm.gov.my/index.php/kolumnis/62036-malaysia-madani-membudayakan-daya-cipta-rakyat>

- Mignolo, W. D. (1992). On the Colonization of Amerindian Languages and Memories: Renaissance Theories of Writing and the Discontinuity of the Classical Tradition. *Comparative Studies in Society and History*, 34(2), 301–330. <https://doi.org/10.1017/s0010417500017709>
- Muhammad Adil Afridi. (2013). Contribution of Muslim Scientists to the World: An Overview of Some Selected Fields. *Revelation and Science*, 3(01). <https://journals.iium.edu.my/revival/index.php/revival/article/view/86>
- Muhammad bin Sarom, & Suriani. (2022). Langkah Perpaduan Sunnah Nabawiyah Sebagai Nilai Tambah Kepada Agenda Perpaduan Negara. *Hadis*, 12(23), 51–62. <https://doi.org/10.53840/hadis.v12i23.184>
- Muhammad Yaseen Gada. (2022). Tarjumān Al-Qur’ān and Tafhīm Al-Qur’ān. *Australian Journal of Islamic Studies*, 7(1), 115–140. <https://doi.org/10.55831/ajis.v7i1.467>
- Mulyadi, H. (2021). *Islam Dan Tamadun Melayu: Sejarah Orang Melayu Dan Persentuhan Islam Dengan Tamadun Melayu*. Cv. Dotplus Publisher.
- Nadolskaya, V. (2021). Civilizational Code as a Definition, a New Scientific Discipline and an Innovative Paradigm (Socio-Political Trends). *Repository.utm.md*. <https://doi.org/978-9975-4264-8-0>
- Nasyrudin, W., Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah, & Nursafra Mohd Zhaffar. (2019). Karakter Guru Inovatif Berdasarkan Surah al-Kahfi. *Journal Of Quran Sunnah Education And Special Needs*. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol0no2.47>
- NIM., M. (2017). Tokoh-Tokoh Dalam Surat Al-Kahfi (Kajian Tematik) - Institutional Repository UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta. *Uin-Suka.ac.id*. https://digilib.uin-suka.ac.id/id/eprint/26984/1/13531184_BAB-I_IV-atau-V_DAFTAR-PUSTAKA.pdf
- Nur, S. (2018). Karakteristik Kepimpinan Zulqarnain berdasarkan Penafsiran Surah Al-Kahfi - UIN - Ar Raniry Repository. *Ar-Raniry.ac.id*. <https://repository.ar-raniry.ac.id/id/eprint/2164/1/PDF%20DIGABUNG%20KESELURUHAN%20ISI.pdf>
- Onwuegbuzie, A. J., Leech, N. L., & Collins, K. (2015). Qualitative analysis techniques for the review of the literature. *The Qualitative Report*. <https://doi.org/10.46743/2160-3715/2012.1754>
- Pacey, A. (1993). Technology in world civilization: a thousand-year history. *Philosophy East and West*, 43(1), 155. <https://doi.org/10.2307/1399479>
- Pratama, R. (2017). Kisah Zulkarnain Dalam Pandangan Abdullah Yusuf Ali. *Qaf: Jurnal Ilmu Al-Qur’an Dan Tafsir*, 2(1), 157 - 174. <https://ojs.unsiq.ac.id/index.php/qaf/article/view/2013>
- Renima, A., Habib Tiliouine, & Estes, R. J. (2016). The Islamic Golden Age: A Story of the Triumph of the Islamic Civilization. *Springer EBooks*, 25–52. https://doi.org/10.1007/978-3-319-24774-8_2
- Robi, A. (2022). Kenabian Dzulqarnain Dalam Perspektif Al-Qur’an (Studi Tafsir Al-Qur’an Al-‘Azīm dan Tafsir Al-Kabīr), Raden Intan Repository. *Radenintan.ac.id*.

<http://repository.radenintan.ac.id/21693/1/COVER%20BAB%201%20BAB%205%20DAPUS.pdf>

- Sandro Chignola. (2007). *Civis, civitas, civilitas. Contributions to the History of Concepts*. <https://doi.org/10.1163/180793207x237713>
- Teguh Saputra. (2022). Konsep Ta'awun dalam Al-Qur'an Sebagai Penguat Tauhid dan Solidaritas Sosial. *Al-Mutharahah*, 19(2), 29–45. <https://doi.org/10.46781/al-mutharahah.v19i2.517>
- Wisnu Tanggap Prabowo. (2021). *Zulkarnain Agung: Antara Cyrus dan Alexander, Jejak Cerita dalam Al-Quran dan Riwayat Sejarah*. Jakarta, Pustaka Alvabet. https://books.google.com.my/books?id=Ka0eEAAAQBAJ&dq=zulkarnain+al-Kahfi&lr=&source=gbs_navlinks_s
- Yassin, S.B., & Dahalan, D. (2012). Unity Concept from Islamic Perspective and the Reality of Unity in Malaysia. *Research on humanities and social sciences*, 2, 66-83.
- Yilmaz, I., & Morieson, N. (2022). Civilizational Populism: Definition, Literature, Theory, and Practice. *Religions*, 13(11), 1026–1026.
- Yilmaz, I., & Morieson, N. (2023). Religions and the Global Rise of Civilizational Populism. *Palgrave Studies in Populisms*, 1–24. https://doi.org/10.1007/978-981-19-9052-6_1
- Yoga Felascho, Zakiar, & Suriyadi. (2021). Israiliyyat Dalam Kisah Zulkarnain. *Thullab: Jurnal Riset Dan Publikasi Mahasiswa*, 1(1), 65–83. <http://ejournal.iainkerinci.ac.id/index.php/thullab/article/view/904>
- Yurdusev, A.N. (2003). *Civilization or Naked Greed*. In: *International Relations and the Philosophy of History*. Palgrave Macmillan, London. https://doi.org/10.1057/9781403938404_5
- Zeliha Kuruducu. (2021). Islamic Civilization's Contribution To The World And The European Renaissance. *Eurasian Journal of English Language and Literature*, 3(1), 218–227. <https://dergipark.org.tr/en/pub/jell/issue/62779/797842>